

WIN bantu golongan istimewa

Peralatan bantuan dihasilkan sekumpulan enam penyelidik UnisZA untuk insan cacat penglihatan

SEBERANG TAKIR - Selain tongkat putih yang menjadi peralatan bantuan kepada golongan cacat penglihatan, kini satu lagi produk baharu diperkenalkan untuk membantu golongan istimewa berkenaan iaitu Interactive Visual Impairment Navigator (IVIN).

Peralatan bantuan yang dihasilkan sekumpulan enam penyelidik Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) itu mula dihasilkan sejak enam bulan lalu dan kini dalam proses akhir untuk dipatenkan.

Projek itu diketuai Dekan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Prof Dr Zuhairah Ariff Abd Ghadas diikuti Dr Nazli Ismail @Nawang, pelajar Fakulti Undang-Undang dan Antarabangsa, Mohd Fadzrul Hanif Fadzilah, pelajar an-



Mohd Fauzi (dua, kanan) memegang WIN di samping kumpulan penyelidik.

tarabangsa dari Libya, Saif Allah Meftah Abgenahi; pelajar Fakulti Informatik dan Komputeran, Norsyahira Iano dan pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Hadi Omar.

Ketua Bahagian Penyelidikan bagi projek berkenaan, Norsyahira berkata, pihaknya memilih Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam

Malaysia (Pertis) Wilayah Terengganu untuk menguji alat bantuan khusus untuk golongan cacat penglihatan.

"WIN ini berfungsi untuk membantu orang cacat penglihatan mengenal pasti halangan di sekeliling mereka melalui getaran. "Untuk pengetahuan juga, hari ini (semalam) merupa-



Norsyahira (kanan) bersama Yang Dipertua Dun Terengganu, Datuk Mohd Zubir (tengah).

kan kali pertama kita guna pakai alat ini kepada golongan sasar (cacat penglihatan)," katanya.

Menurutnya, buat permulaan mereka memilih topik khusus untuk berbasikal mandangkan ia mudah untuk dipasangkan empat sensor bagi menyalurkan getaran jika ada halangan.

"Bagaimanapun, apabila sampai tahap untuk patenkan nanti, kita akan mencipta bentuk topi sendiri mengikut kesesuaian dan saiz," katanya ketika ditemui di pejabat Pertis, di sini, semalam.

Norsyahira berkata, WIN yang sudah memenangi beberapa anugerah dalam pertandingan inovasi dan reka cipta sebelum ini dijangka dijual pada harga di bawah RM300.

"Sekali lagi, kita ingin



WIN juga turut mendapat perhatian Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

tekanan bahawa alat ini bukannya bertujuan untuk menggantikan tongkat, sebaliknya menjadi alat tambahan kepada golongan cacat penglihatan itu bergerak tanpa memerlukan bantuan daripada pihak lain," katanya.

Katanya, antara anugerah yang dimenangi sebelum ini adalah pingat emas dan anugerah khas inovasi sempena Minggu Penyelidikan dan Inovasi di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) serta tempat ketiga Dr. Abu Hasan Innovation Competition (DAIC) 2016.

Terbaharu, kumpulan itu akan menyertai International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) pada 11-13 Mei ini.

Dalam pada itu, Pengurus Pertis, Mohd Fauzi Mansor menyambut baik usaha yang



Antara anugerah yang dimenangi.



Mohd Fauzi membuat ujian pada alatan berkenaan.

dilaksanakan kumpulan penyelidik UnisZA itu bagi memastikan kehandak dan keperluan golongan cacat penglihatan itu dipenuhi. "Tidak dapat dinafikan, tongkat putih yang menjadi peralatan wajib bagi kami untuk bergerak belum membantu sepenuhnya kerana ia hanya bertindak untuk mengesan halangan dari bawah. "Jadi, apa yang dibangunkan kumpulan penyelidik ini menjadi satu lagi bantuan kami untuk bergerak, sekaligus membantu mengurangkan keberagantungan kepada orang lain," katanya. Sekiranya alat bantuan itu dipasarkan nanti ia mampu membantu lebih 2,000 golongan cacat penglihatan di Terengganu secara khususnya.